



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : ASAS KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS : ETR2022
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah definisi usahawan menurut Richard Cantilon 1934?
 - A. Individu yang mampu melihat dan menilai peluang
 - B. Individu yang membeli atau mewarisi perniagaan sedia ada
 - C. Usahawan sebagai satu ejen yang membeli alat-alat pengeluaran
 - D. Seseorang yang berinisiatif mengumpul sumber-sumber secara inovatif

2. Apakah konsep keusahawanan menurut Islam?
 - A. Berusaha mencari jalan penyelesaian masalah
 - B. Sensitif dan peka terhadap peluang persekitaran
 - C. Merangkumi aspek kehidupan di dunia dan di akhirat
 - D. Berupaya mengetuai sesuatu perniagaan atau industri

3. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan kompetensi keusahawanan?
 - A. Pengorbanan
 - B. Sentiasa bersaing
 - C. Melihat dan merebut peluang
 - D. Memberi cabaran kepada orang lain

4. Pernyataan manakah merupakan ciri bagi usahawan yang mempunyai inisiatif?.
 - A. Tidak mudah mengalah
 - B. Sensitif atau peka terhadap peluang
 - C. Sanggup melakukan pengorbanan peribadi demi perniagaan
 - D. Berusaha melakukan tindakan tanpa arahan daripada orang lain

5. Pernyataan manakah berikut yang **BUKAN** mengenai etika perniagaan?
 - A. Etika perniagaan akan meningkatkan imej syarikat
 - B. Usahawan yang beretika akan dapat menarik pelabur
 - C. Usahawan yang beretika sentiasa mencari kesilapan orang lain
 - D. Usahawan yang beretika sanggup menjalankan tanggungjawab sosial

6. Apakah cara yang terbaik untuk majikan mendapatkan sokongan daripada pekerjanya?
- A. Memberi bonus setiap bulan
 B. Memberi gaji lebih kepada pekerja
 C. Sentiasa menjaga kebajikan pekerja
 D. Memberi apa sahaja pekerja mahukan
7. Apakah aspek utama dalam kreativiti?
- A. Proses dan aktiviti
 B. Proses dan sumber
 C. Proses dan manusia
 D. Sumber dan manusia
8. Apakah perbezaan antara keperluan dengan kehendak?.

	Keperluan	Kehendak
A.	Kereta mewah, rumah banglo	Makanan, pakaian, tempat tinggal
B.	Sama dan tetap	Berbeza dan berubah-ubah
C.	Pelbagai pilihan	Mempunyai batasan
D.	Perlu untuk hidup selesa	Perlu untuk terus hidup

9. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis milikan perniagaan.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Menanggung liabiliti tidak terhad • Bilangan pemilik 2 hingga 20 orang |
|---|

Apakah jenis milikan perniagaan tersebut?

- A. Koperasi. ✗
 B. Perkongsian.
 C. Milikan tunggal. ✗
 D. Perbadanan awam.

10. _____ ialah satu peluang perniagaan di mana pengeluar sesuatu produk atau perkhidmatan bertanda niaga (trademark) memberikan hak eksklusif kepada individu untuk edaran tempatan bagi produk perkhidmatan tersebut dan akan menerima royalti sebagai balasan.
- A. Perikatan strategik
 - B. Perniagaan Francais
 - C. Perniagaan sendiri
 - D. Mengambil alih perniagaan sedia ada
11. Siapakah sasaran pembaca rancangan perniagaan?
- A. Pelajar
 - B. Pendidik
 - C. Kaunselor
 - D. Institusi Kewangan
12. Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan kepentingan rancangan perniagaan?
- A. Sebagai alat pengurusan syarikat untuk menilai kekukuhan syarikat.
 - B. Menerangkan model perniagaan.
 - C. Sebagai alat mendapat sokongan kewangan atau sumber modal luar
 - D. Sebagai alat untuk menjana keuntungan semata-mata.
13. Kenalpasti elemen-elemen yang terdapat di bahagian pengenalan Rancangan Perniagaan.
- I. Produk
 - II. Muka utama
 - III. Kandungan
 - IV. Ringkasan produk
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

14. Apakah peranan promosi?
- A. Mengagihkan barang
 - B. Menyampaikan maklumat
 - C. Menstabilkan harga barang
 - D. Melindungi daripada risiko kerugian
15. Maya mendengar dan meneliti produk yang dipaparkan di skrin TV. Dia amat tertarik dengan produk tersebut. Dia terus menelefon untuk membuat pesanan. Apakah jenis promosi tersebut?
- A. Promosi TV
 - B. Jualan terus
 - C. Pengiklanan
 - D. Hebahan publisiti
16. Dalam pengurusan kewangan, apakah aspek yang diutamakan?
- A. Merekod nama-nama pelanggan
 - B. Menyimpan rekod perakaunan syarikat
 - C. Menyediakan carta aliran jual beli produk
 - D. Menyimpan rekod stok barang keluar masuk

17.



Gambar 1

- Apakah kaedah jenis jualan tersebut?
- A. Jualan tunai
 - B. Jualan kredit
 - C. Jualan prabayar
 - D. Jualan sewa beli

18. Pendidikan keusahawanan di Malaysia adalah bertujuan untuk
- A. Menggalakkan pelajar terlibat dalam perniagaan.
 - B. Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan.
 - C. Meningkatkan sumber pendapatan pelajar.
 - D. Membangunkan inovasi dan teknologi.
19. Puan Maznah telah membuka kedai bunga di Kulai. Apakah cara promosi yang paling murah untuk dia menghebahkan kepada pelanggannya?
- A. Iklan melalui televisyen
 - B. Iklan melalui radio
 - C. Mencetak risalah untuk diedarkan
 - D. Mempamerkan papan iklan di sepanjang lebuhraya
20. Apakah strategi barangan yang paling utama dalam pemasaran?
- A. Jenama
 - B. Pembungkusan
 - C. Rekabentuk produk
 - D. Perbezaan barangan

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Berikan definisi usahawan? (2 markah)
- b. Senaraikan **empat (4)** ciri-ciri usahawan yang berjaya? (4 markah)

SOALAN 2

- a. Berikan **tiga (3)** kepentingan etika dalam perniagaan? (3 markah)
- b. Senaraikan **empat (4)** prinsip etika dalam perniagaan? (4 markah)

SOALAN 3

- a. Berikan definisi inovasi. (2 markah)
- b. Senaraikan **tiga (3)** halangan kepada kreativiti? (3 markah)
- c. Huraikan inovasi jenis duplikasi berserta contoh. (4 markah)

SOALAN 4

- a. Berikan definisi peluang. (2 markah)
- b. Nyatakan **dua (2)** faktor menyumbang kepada peluang perniagaan. (2 markah)
- c. Berikan kebaikan dan keburukan perniagaan perkongsian? (4 markah)

SOALAN 5

- a. Terangkan **dua (2)** kepentingan Rancangan Perniagaan. (4 markah)
- b. Senaraikan **tiga (3)** kebaikan mengambil alih perniagaan sedia ada. (3 markah)
- c. Huraikan mengapa seseorang menjual perniagaannya. (3 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Kreativiti ditakrifkan sebagai keupayaan individu untuk membangunkan idea-idea yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan mengeksploitasi peluang. Inovasi pula merujuk kepada aplikasi kreativiti yang membangunkan satu konsep produk, perkhidmatan baru atau proses menyampaikan sesuatu yang baru dan lebih baik untuk masyarakat.

- a) Huraikan secara ringkas kaitan di antara kreativiti dan inovasi?
(5 markah)
- b) Pada pendapat anda, apakah pekerjaan yang memerlukan kreativiti?
(5 markah)

SOALAN 2

Pada hari ini, perniagaan francais merupakan perniagaan yang terkenal dan mendapat tempat di Malaysia. Perniagaan Francais seperti KFC, Pizza Hut dan McDonalds adalah antara perniagaan francais makanan dan minuman terkemuka yang menjadi pilihan masyarakat di negara ini.

- a) Jelaskan bagaimanakah perniagaan francais berlaku.
(4 markah)
- b) Jelaskan kelebihan perniagaan francais berbanding dengan jenis perniagaan lain.
(6 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

